

info

usahawan

issue
1/21

nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA



Kontrak adalah perjanjian yang memperuntukkan mengenai perihal urusan perniagaan, tanggungjawab dan hak pihak-pihak yang berkontrak serta mengikat pihak tersebut menjadikan kontrak itu sah dari segi undang-undang. Perjanjian tersebut boleh dilaksanakan secara lisan, bertulis dan melalui perbuatan atau kombinasi lisan, penulisan dan perbuatan.

Isu di dalam perundangan kontrak merupakan antara yang sering mendapat perhatian terutama apabila pihak-pihak berkontrak tidak lagi menjalankan tanggungjawab seperti yang dijanjikan. Sering kali kita berhadapan dengan keadaan iaitu apabila sesuatu perniagaan memerlukan dokumen perjanjian secara bertulis diantara pihak-pihak yang ingin berkontrak, terdapat klausa dalam perjanjian tersebut yang bersifat tidak jelas, tiada perundangan, lebih memberi kebaikan kepada pembuat kontrak dan menyorot kepada terdapatnya terma tidak adil kepada pihak yang satu lagi iaitu pihak pengguna. Kontrak bentuk seragam yang digunakan secara meluas pada hari ini menguatkan lagi penggunaan terma tidak adil.

Terma tidak adil diperuntukkan di dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) Pindaan 2010. Akta ini telah dipinda pada tahun 2010 dengan menambah perkara berhubung terma tidak adil di Bahagian IIIA iaitu seksyen 24A sehingga 24J.

Kepentingan tentang ilmu penggunaan terma tidak adil dalam kontrak tidak hanya sebagai perlindungan kepada pengguna tetapi juga kepada peniaga, iaitu usahawan. Secara tidak langsung, penggunaan

Terma Tidak Adil dalam Kontrak: Usahawan & Pengguna

Farihana Abdul Razak¹ dan Prof. Dr. Zuhairah Ariff

Abd Ghadas²

¹Jabatan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak, Tapah, Perak


²Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa,
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu

terma tidak adil oleh para peniaga dalam kontrak tanpa merujuk kepada mana-mana pihak yang lebih arif tentang perundangan boleh mengakibatkan kerugian dan tindakan undang-undang kepada peniaga apabila timbulnya perselisihan dan pertelingkahan kontrak antara pengguna dan peniaga.

Perkara ini berlaku sekiranya pengguna sebagai pihak berkontrak menyedari bahawa terdapatnya terma tidak adil dalam kontrak dan mereka juga tidak diberikan peluang untuk berunding tentang terma tidak adil yang terdapat dalam kontrak tersebut. Justeru itu, pengguna akan membawa kes ke mahkamah terutamanya apabila perundingan dengan pihak peniaga tidak dapat dicapai. Dalam situasi ini, sekiranya terma tidak adil digunakan, bahagian klausa tersebut akan terbatal. Namun begitu perjanjian yang lain yang terdapat dalam kontrak tersebut kekal sah.

Rajah 1 menunjukkan kerangka idea oleh penulis untuk pihak-pihak berkontrak sebelum dan semasa membuat perjanjian. Semasa menandatangani kontrak, pihak-pihak berkontrak haruslah bertenang dan membuat keputusan dengan sewajarnya kerana perjanjian yang dipersetujui akan mengikat pihak-pihak tersebut untuk melaksanakan tanggungjawab mereka.

Oleh itu, cadangan kerangka idea oleh penulis ini diharapkan dapat membantu pengguna dan peniaga dalam membuat perjanjian dan berkontrak.



Rajah 1